

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG
WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ketidakstabilan liputan internet dan telekomunikasi di kawasan pedalaman Sarawak yang diakibatkan penggunaan rangkaian satelit dan bekalan janakuasa diesel.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaikan infrastruktur komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan menggunakan pelbagai teknologi. Ini adalah untuk membolehkan rakyat di kawasan pedalaman termasuklah di negeri Sarawak dapat menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi yang lebih menyeluruh.

Penggunaan bekalan janakuasa diesel pula diperlukan bagi memastikan alat pemancar komunikasi di menara berkenaan dapat beroperasi kerana ketiadaan bekalan elektrik yang kekal. Namun, penggunaan janakuasa diesel lebih terdedah kepada kecurian dan

vandalisma yang juga turut mempengaruhi kestabilan perkhidmatan yang disediakan.

Pihak penyedia perkhidmatan juga bekerjasama dengan pemilik tanah dan Jawatankuasa Keselamatan Kampung bagi mengurangkan risiko kecurian dan vandalisma. Bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih stabil, pihak penyedia perkhidmatan akan menaik taraf menara kepada penggunaan tenaga elektrik kekal sekiranya lokasi berkenaan telah tersedia dengan liputan tenaga elektrik pada masa hadapan.

Untuk menyediakan liputan di kawasan luar bandar dan pedalaman, pelbagai cabaran dihadapi oleh pihak Kerajaan termasuklah menentukan jenis teknologi yang bersesuaian, keadaan geografi dan bentuk muka bumi kawasan yang hendak diberikan perkhidmatan di samping ketiadaan bekalan kuasa yang kekal.

Faktor lokasi yang agak jauh di pedalaman juga menyebabkan hanya teknologi satelit sahaja yang boleh digunakan sebagai alat pemancar komunikasi di menara bagi membolehkan liputan jalur lebar mudah alih dapat disediakan di kawasan pedalaman berbanding dengan penggunaan rangkaian gentian optik dan pemancar gelombang mikro yang lebih stabil dan laju.

Pihak penyedia perkhidmatan akan menaik taraf menara berkenaan kepada teknologi gentian optik atau gelombang mikro secara berperingkat seiring dengan pembangunan dan ketersediaan rangkaian gentian optik atau gelombang mikro di kawasan berkenaan.